

## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

### **PEMBANTU JURUPULIH CARA KERJA (M.3 EB.4) KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU JURUPULIH CARA KERJA  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
M.3 EB.4 (\$570 - \$1,175 EB KHAS \$1,225 - \$1,425 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei-Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding termasuk satu (01) mata pelajaran Sains dan lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu pegawai atasan di dalam pemeriksaan klinikal dan perawatan penyakit yang memerlukan rawatan kaedah Pemulihan Cara kerja;
2. Memberikan rawatan kaedah Pemulihan Cara Kerja seperti *therapeutic exercises* dan membantu di dalam memberikan kaedah rawatan pemulihan atau permasalahan anggota tubuh badan termasuk neurologi, ortopedik dan sebagainya mengikut arahan serta pengawasan dan bimbingan Jurupulih Cara Kerja;
3. Memantau perkembangan keadaan pesakit serta memaklumkan mengenainya kepada Jurupulih Cara Kerja;
4. Menyediakan laporan statistik pesakit dan Perkhidmatan Pemulihan Cara Kerja jika diperlukan;
5. Mengkoordinasikan stok keperluan Pemulihan Cara Kerja dan menyediakan laporan mengenai jumlah stok barang-barang;



6. Menyediakan peralatan kaedah rawatan Pemulihan Cara Kerja;
7. Memastikan penjagaan semua peralatan kaedah rawatan Pemulihan Cara Kerja berfungsi dengan baik dan tempat rawatan kemas dan bersih;
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepertimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.